



Majlis Ugama Islam Singapura

Khutbah Jumaat

27 November 2015 / 15 Safar 1437

Memanfaatkan Masa Lapang - Membentuk Peribadi

Anak-anak

الْحَمْدُ لِلَّهِ الَّذِي أَرْسَلَ رَسُولَهُ بِالْهُدَىٰ وَدِينِ الْحَقِّ بَشِيرًا وَنَذِيرًا
وَدَاعِيًا إِلَى اللَّهِ بِإِذْنِهِ وَسِرَاجًا مُنِيرًا وَأَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ
وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ وَأَشْهَدُ أَنَّ سَيِّدَنَا مُحَمَّدًا عَبْدَهُ وَرَسُولَهُ
وَصَفِيُّ اللَّهِ مِنْ خَلْقِهِ وَحَبِيبُهُ إِمَامُ الْأَنْبِيَاءِ وَسَيِّدُ الْمُرْسَلِينَ اللَّهُمَّ
صَلِّ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ وَسَلِّمْ تَسْلِيمًا كَثِيرًا.
أَمَّا بَعْدُ فَيَا عِبَادَ اللَّهِ اتَّقُوا اللَّهَ حَقَّ تَقَاتِهِ وَلَا تَمُوتُنَّ إِلَّا وَأَنْتُمْ
مُسْلِمُونَ

Sidang Jumaat yang dirahmati Allah sekalian,

Alhamdulillah, syukur kita kepada Allah s.w.t. kerana memberikan kita peluang untuk berkumpul pada hari Jumaat yang mulia ini. Marilah kita zahirkan kesyukuran kita meningkatkan ketakwaan kita kepadaNya, dan berusaha memastikan agar kita tidak mengabaikan sebarang perintah Allah mahupun melanggar segala laranganNya.

Saudara yang dikasihi,

Semenjak beberapa minggu yang lalu kita telah diingatkan agar setiap anggota keluarga dan masyarakat kita tidak terlepas peluang untuk mendapatkan pendedahan kepada pendidikan agama. Ini adalah kerana ahli keluarga kita merupakan amanah Allah, yang mana kita bakal dipertanggungjawabkan esok di hadapan Allah s.w.t. Setiap individu antara kita akan ditanya esok di akhirat tentang perihal mereka yang berada di bawah tanggungan dan penjagaan kita.

Maka saudaraku, marilah kita mengambil masa ini untuk bermuhasabah. Apakah kita benar-benar telah berjaya melaksanakan tanggungjawab kita sebagai ibu bapa? Adakah cukup sekadar menyediakan harta benda serta wang untuk pendidikan demi masa depan mereka di dunia sahaja? Apakah cukup sekadar meluangkan masa bersama mereka? Ataupun sebenarnya, ada lagi peranan yang boleh kita mainkan, terutamanya waktu musim percutian sekolah ini?

Bagi menjawab persoalan-persoalan tersebut, ingin saya mengajak kita bersama menghayati panduan yang Allah s.w.t. berikan di dalam surah At-Tahrim ayat 6:

يَا أَيُّهَا الَّذِينَ آمَنُوا قُوا أَنفُسَكُمْ وَأَهْلِيكُمْ نَارًا وَقُودُهَا النَّاسُ
وَالْحِجَارَةُ عَلَيْهَا مَلَائِكَةٌ غِلَاظٌ شِدَادٌ لَا يَعْصُونَ اللَّهَ مَا أَمَرَهُمْ
وَيَفْعَلُونَ مَا يُؤْمَرُونَ ﴿٦﴾

Maksudnya: “Wahai orang-orang yang beriman! Peliharalah diri kamu dan keluarga kamu dari neraka yang bahan bakarnya terdiri daripada manusia dan batu-bata; neraka itu dijaga dan dikawal oleh malaikat-malaikat yang keras kasar (layanannya); mereka tidak menderhaka kepada Allah dalam segala yang diperintahkanNya kepada mereka, dan mereka pula tetap melakukan segala yang diperintahkan.”

Dalam ayat yang suci ini, Allah s.w.t. mengingatkan kita kepentingan untuk memelihara diri serta ahli keluarga kita daripada terjerumus ke dalam api neraka yang mengerikan. Peringatan ini seharusnya menyedarkan kita akan kepentingan meningkatkan keimanan kita serta ahli keluarga kita termasuk anak-anak. Tarbiyah atau pengasuhan terhadap anak-anak kita untuk mengenali Allah dan Islam serta pembentukan akhlak mulia, harus kita berikan perhatian yang sepenuhnya.

Bahkan Rasulullah s.a.w. amat menitikberatkan tarbiyah serta pengasuhan anak-anak, walaupun setelah mereka dewasa. Nabi s.a.w. pernah berkata kepada anaknya: “Wahai Fatimah, Gunung Uhud pernah ditawarkan kepadaku untuk menjadi

emas, namun ayahanda memilih untuk keluarga kita kesenangan di akhirat.”

Pada hadith yang lain, Nabi s.a.w. bersabda: *“Demi Allah seandainya Fatimah binti Muhammad mencuri, sungguh akan aku potong tangannya.”* (Muttafaq 'alaih)

Dua hadith ini jelas menunjukkan kepentingan kita sebagai ibu bapa mendidik anak-anak untuk berjaya bukan sahaja di dunia, malah di akhirat juga yang kekal abadi. Nabi Muhammad s.a.w. memulakan tarbiyah kepada anaknya sejak kecil lagi. Apabila seorang anak itu sudah mengenali tuhan serta mampu membezakan antara yang baik dan buruk, maka lebih mudahlah baginya berjaya di dunia dan akhirat. Bahkan dalam beberapa riwayat hadith, ternyata nabi s.a.w. tetap menziarahi untuk menasihati anaknya Saidatina Fatimah r.a. walaupun setelah beliau bernikah dengan Saidina Ali ibn Abi Talib r.a.

Rasulullah s.a.w. adalah seorang yang sangat mengasihi anak-anak. Baginda sentiasa meluangkan masa bersama mereka, mendengarkan keluhan-keluhan mereka serta memimpin mereka ke jalan Allah.

Saudara yang dirahmati Allah sekalian,
Ambillah peluang musim cuti sekolah ini untuk memanfaatkan masa lapang bersama anak-anak. Dekatkanlah diri kita

bersama mereka dengan mengadakan aktiviti keluarga. Wujudkan perbincangan yang bermanfaat dengan mereka. Kenalilah mereka dengan lebih mendalam lagi. Dengarkanlah luahan-luahan isi hati mereka. Ambil tahu perkembangan mereka serta perkembangan dunia kehidupan mereka yang semakin pesat berkembang.

Bagi anak yang sudah meningkat remaja, hargai intelektual serta kematangan mereka dan berikanlah bimbingan yang sewajarnya. Jika ada kelakuan yang kurang menyenangkan, bincangkan dan carilah jalan keluar bersama. Ambil iktibar daripada nasihat-nasihat yang terakam di dalam Al-Quran dan sunnah Nabi s.a.w.

Tanamkan kefahaman agama yang betul kepada anak-anak kita agar anasir yang kurang baik serta pemahaman Islam yang salah tidak mudah mempengaruhi mereka. Kita sendiri boleh lihat implikasinya jika kita gagal membimbing mereka. Jangan sampai pemahaman yang salah serta ideologi ekstremis yang berjaya menarik perhatian mereka.

Berilah juga galakkan kepada anak-anak kita untuk mengikuti program-program percutian sekolah yang dikendalikan pusat-pusat swasta yang berwibawa ataupun program aLIVE di masjid-masjid, demi meningkatkan ilmu pengetahuan agama mereka. Sebagai makluman kita bersama, maklumat lanjut

berkaitan program-program musim percutian sekolah boleh didapati di laman www.tarbiyah.net dan juga di laman facebook aLIVE.

Pastinya, banyak lagi yang boleh kita lakukan bersama anak-anak kita pada musim cuti ini. Setiap anak itu mempunyai kelebihan serta kekuatan mereka yang tersendiri. Buatlah perancangan yang rapi bersama pasangan kita, agar dapat membuahkan hasil yang terbaik. Apabila kita keluar bercuti sebagai contoh, itu adalah masa yang terbaik dan sesuai untuk kita sama-sama juga turut melakukan kebaikan dan ibadah sebagai sebuah keluarga. Jika waktu bekerja kita tidak dapat solat berjemaah dan bertahajjud bersama, maka pastikanlah kita meluangkan masa untuk melakukan demikian bersama keluarga kita sewaktu bercuti. Mungkin juga kita boleh memasukkan dalam perancangan cuti kita sedikit aktiviti menyumbang bakti kepada masyarakat di tempat yang kita lawati. Dengan demikian, percutian kita dapat menjadi lebih bermakna.

Mudah-mudahan dengan kita sekeluarga mendekatkan diri kepada Allah bersama, Dia akan memperatkan lagi dan memperbaiki hubungan kita denganNya dan seisi keluarga.

Semoga segala usaha, tunjuk-ajar, masa yang diluangkan, serta bimbingan yang kita berikan, akan menjadikan mereka

anak-anak yang soleh dan penyejuk mata. Anak-anak yang mampu berbakti kepada agama, ibu bapa, masyarakat dan negara. Amin.

بَارَكَ اللهُ لِي وَلَكُمْ فِي الْقُرْآنِ الْعَظِيمِ، وَنَفَعَنِي وَإِيَّاكُمْ بِمَا فِيهِ مِنَ
الآيَاتِ وَالذِّكْرِ الْحَكِيمِ، وَتَقَبَّلْ مِنِّي وَمِنْكُمْ تِلَاوَتَهُ إِنَّهُ هُوَ السَّمِيعُ
الْعَلِيمُ، أَقُولُ قَوْلِي هَذَا وَأَسْتَغْفِرُ اللهَ الْعَظِيمَ لِي وَلَكُمْ، وَلِسَائِرِ
الْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ، وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ، فَاسْتَغْفِرُوهُ فَيَا
فَوْزَ الْمُسْتَغْفِرِينَ وَيَا نَجَاةَ التَّائِبِينَ.